

25 JAN 1996

Dompok - Giliran

KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI PENGGILIRAN TERLETAK PADA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 25 Jan (Bernama) -- Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) berpendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai kata putus mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Presiden PDS Datuk Bernard Dompok hari ini berkata Dr Mahathir sendiri selaku pengerusi Barisan Nasional (BN) berjanji untuk menggilirkan jawatan itu setiap dua tahun di kalangan tiga kaum terbesar di negeri ini dan oleh itu, beliau berhak membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

"PDS telah mengemukakan pandangannya secara lisan kepada Dr Mahathir dan saya akan mengemukakan hujah bertulis kepada beliau minggu depan," kata beliau pada upacara menerima sumbangan RM50,000 daripada Sutera Harbour Resort bagi Institut Bahasa Kadazandusun.

Dompok yang juga Menteri Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar negeri berkata beliau menemui Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak hari ini dan mengemukakan pandangannya kepada beliau mengenai isu itu.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga kaum -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina -- bagi tempoh dua tahun diumumkan oleh Dr Mahathir di Beaufort semasa berkempen pada pilhan raya negeri pada Mac, 1994.

"Saya berpendapat apabila pandangan parti-parti dikemukakan kepada Perdana Menteri dan beliau membuat keputusan, tiada siapa pun akan bertelagah dan membangkitkan isu itu lagi," kata beliau.

Presiden PBRS Datuk Joseph Kurup berkata part itu memutuskan untuk memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenai isu berkenaan.

Dalam satu kenyataan, beliau menggesa semua pihak mengamalkan pendirian yang sama bagi menjamin kestabilan politik di negeri ini.

"Oleh kerana parti-parti komponen BN negeri belum dapat mencapai kata sepakat mengenai isu penggiliran, Saya berpendapat lebih baik Perdana Menteri sendiri membuat keputusan mengenai perkara itu demi kestabilan politik dan kemakmuran rakyat," kata beliau dalam kenyataan di sini hari ini.

Lapan parti komponen BN negeri ialah UMNO, PDS, PBRS, Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu Sabah (Akar Bersatu), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan MCA.

Mengikut sistem penggiliran, penggal Salleh akan berakhir pada 16 Mac.

-- BERNAMA